

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HGF 121 – Geografi Fizikal

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. **DUA [2]** dari BAHAGIAN A dan **DUA [2]** dari BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A:

1. [a] Huraikan maksud daya Koriolis.
[10 markah]

- [b] Bincangkan bagaimana daya Koriolis mempengaruhi tiupan Angin Monsun.
[15 markah]

2. Huraikan corak-corak aliran udara yang berkaitan dengan siklon dan antisiklon di hemisfera utara dan hemisfera selatan.
[25 markah]

3. Terangkan pola taburan angin permukaan sedunia.
[25 markah]

4. [a] Jelaskan faktor-faktor utama yang mempengaruhi taburan tenaga matahari di permukaan bumi.

[10 markah]

- [b] Bincangkan bagaimana keseimbangan tenaga di permukaan bumi dapat dicapai.

[15 markah]

BAHAGIAN B:

5. [a] Dengan menggunakan contoh-contoh tertentu,uraikan konsep “Pendekatan Sistem” dalam geografi fizikal.

[10 markah]

- [b] Uraikan konsep-konsep “Maklum Balas Positif” dan “Maklum Balas Negatif” dalam geografi fizikal. Gunakan contoh-contoh tertentu untuk membantu uraian anda.

[15 markah]

6. **SAMADA**

- [a] Bincangkan Teori Hanyutan Benua dengan berdasarkan bukti-bukti yang menyokongnya.

[25 markah]

ATAU

- [b] [i] Kelaskan jenis-jenis batuan berdasarkan asal-usul kejadiannya.

[10 markah]

- [ii] Bincangkan bagaimana setiap jenis batuan mempengaruhi pembentukan bentuk-bentuk muka bumi.

[15 markah]

7. [a] Bincangkan bagaimana unsur-unsur dalam atmosfera, hidrosfera dan litosfera dapat mempengaruhi biosfera.

[15 markah]

- [b] Huraikan ciri-ciri penting aliran tenaga di dalam sesebuah ekosistem hutan.

[10 markah]

8. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, huraikan bagaimana tumbuhan zefofit dapat menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran kering dan panas.

[25 markah]

--oo000oo--